



SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM LONDON, UNITED KINGDOM

PANDUAN BAGI KEHILANGAN PASPOT KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMASA BERADA DI LUAR UNITED KINGDOM

Jika terjadi kehilangan paspot setentunya tidak akan dibenarkan untuk menaiki pesawat dan ini juga bermakna tidak boleh kembali ke United Kingdom / negara asal. Keadaan terkandas di negara asing memang bukanlah sesuatu yang menyeronokan dan perkara seperti ini perlu diambil langkah-langkah tertentu untuk menghadapi situasi tanpa perasaan panik.

Apa yang perlu dilakukan jika pasport hilang atau di curi ketika berada di luar United Kingdom?

1. Membuat Laporan di Balai Polis yang berhampiran

Ini adalah perkara paling utama untuk dilakukan. Pastikan jangan bertanggung untuk berurusan ke balai polis tempatan untuk membuat laporan. Selepas membuat laporan, dapatkan salinan laporan polis dan simpan sebaiknya untuk membuat urusan lanjut di pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam setempat atau yang berhampiran.

2. Berhubung dengan Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam setempat atau yang berhampiran

Selepas membuat laporan polis, sebaiknya terus berurusan atau menghubungi Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam setempat atau yang terdekat. Dinasihatkan untuk mendapatkan alamat dan nombor telefon Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di negara yang ingin dilawati sebelum bertolak ke destinasi.

Alamat dan nombor telefon pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam boleh didapati daripada *Directory of Missions Abroad* melalui laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan www.mofat.gov.bn

Dalam masa yang sama, penuntut adalah dinasihatkan untuk menghubungi/ memaklumkan kepada pihak Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London, United Kingdom untuk pihak Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London menyelaraskan bantuan konsular bersama pihak Perwakilan Negara Brunei Darussalam setempat atau yang berhampiran. Penuntut juga perlu melaporkan kepada pihak Unit Penuntut-Penuntut, London seperti maklumat berikut:

(i) Setiausaha Ketiga (Konsular)

Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam
19-20 Belgrave Square, London SW1X 8PG,
United Kingdom
Tel : +44 207 581 0521 Ext. 111 / 142
H.P. : +44 7770 360934
Hotline: +44 7481 270501
Email : consular@bruneihighcomm.org.uk

- (ii) **Pegawai Kesejahteraan**
 Unit Penuntut-Penuntut,
 35-43 Norfolk Square, London W2 1RX,
 United Kingdom
 Tel : +44 207 402 0045
 H.P. : +44 7472 704148
 Email : wo@upp.org.uk

3. Memohon mendapatkan Sijil Darurat (*Emergency Certificate*) ketika berada di luar United Kingdom

Bagi warganegara Brunei Darussalam dan penduduk tetap, pihak Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam setempat atau yang berhampiran akan mengeluarkan Sijil Darurat jika terjadi hilang paspot ketika berada di luar United Kingdom. Sijil Darurat hanya sah untuk perjalanan satu hala sahaja dan setelah itu perlu memohon dokumen perjalanan / paspot baru melalui pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London, United Kingdom.

Sebagai langkah persediaan, penuntut adalah dinasihatkan supaya dapat *scan* (atau membawa salinan) dokumen perjalanan / paspot, kad pintar, kad Unit Penuntut-Penuntut, kad *Biometric Resident Permit* dan dokumen seperti surat kemasukan tempat pengajian / Universiti sebelum pergi ke luar negara dan kemudian emailkan kepada diri sendiri. Jika berlaku keadaan kecemasan, sekurang-kurangnya boleh dibuka email dan *print* semua dokumen yang telah di *scan* sebagai bukti menunjukkan seorang warganegara Brunei Darussalam serta sedang menuntut di United Kingdom.

4. Senarai semak bagi mendapatkan Sijil Darurat (*Emergency Passport*)

- i) Mengisi Borang Permohonan Bagi Mendapatkan Sijil Darurat Negara Brunei Darussalam (akan diberi oleh Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam setempat/yang berhampiran atau pun boleh didapati melalui laman web Unit Penuntut-penuntut, www.upp.org.uk);
- ii) Menghadapkan salinan laporan polis;
- iii) Menghadapkan surat penjelasan bagi permohonan Sijil Darurat (dengan menyatakan warna mata, dan ketinggian);
- iv) Menghadapkan salinan paspot kebangsaan;
- v) Menghadapkan salinan Kad Pengenalan Pintar;
- vi) Menghadapkan salinan *Biometric Resident Permit (BRP)* / Visa;
- vii) Menghadapkan salinan surat kemasukan Tempat Pengajian/ Universiti;
- viii) Dua (2) keping gambar terkini berukuran paspot;
- ix) Dikenakan bayaran berjumlah **B\$20.00 tertakluk** kepada pertukaran matawang asing (rasmi kerajaan Negara Brunei Darussalam). Pembayaran dibuat dalam bentuk nilai *pound sterling*.